



“

**Senantiasa
meminta diri
untuk menjadi
lebih baik**

RCCA Michelle Chua
Perunding SAP

RCCA Michelle benar-benar menjalani moto hidupnya: Jangan sekali-kali meminta perkara menjadi lebih mudah, selalu berhasrat untuk menjadi lebih baik.

“Saya menjalani pekerjaan yang berbeza di bidang yang berbeza sebelum menemui minat sebenar dalam SAP (System, Application and Processing in Data). Semasa bekerja di salah sebuah syarikat perkapalan terbesar, saya diperkenalkan dengan SAP dalam projek, dan serta-merta saya terpesona.”

Selalu berusaha untuk peningkatan, Michelle melanjutkan pelajarannya dalam bidang ini, dengan mendapat biasiswa.

ENAM TAHUN YANG BERGANJARAN LUMAYAN DALAM SAP

Setelah menamatkan pengajian dalam SAP dan menamatkan kontraknya dengan syarikat lain, Michelle memulakan kerjayanya dalam SAP. “Kerja saya berdasarkan projek dan setiap projek biasanya memerlukan masa setahun untuk disiapkan. Selama enam tahun, saya terbang ke negara-negara yang berlainan untuk projek saya, tinggal di hotel yang mewah dan menjana pendapatan yang lumayan. Saya menikmati makanan yang enak dan memanjakan diri

Berani bermimpi besar



Kereta Impian

dengan urutan, pedikur, manikur, dan lain-lain. Dengan kehidupan yang begitu baik, saya berpendapat bahawa saya akan melakukan SAP sehingga saya bersara.”

Dan kemudian beliau menemui Aulora Pants ketika berpusat di Singapura untuk sebuah projek.

RASA PENCAPAIAN YANG LEBIH TINGGI DI BE

“Saya sangat komited dalam pekerjaan saya. Saya akan berusaha lebih jauh untuk menyelesaikan pekerjaan dengan baik. Mampu untuk membantu melancarkan sebuah syarikat memberi saya rasa puas hati.

Makan malam dengan Pengasas

Tetapi apabila seorang suri rumah mengucapkan terima kasih kerana membantunya untuk berdikari secara kewangan melalui BE, rasa pencapaian itu mengatasi semua yang telah saya capai dalam kerjaya SAP saya. Itu benar-benar menggerakkan dan memberi inspirasi kepada saya untuk terus membantu lebih ramai orang.”

Kegembiraan kerana dapat menolong orang mengubah hidup mereka, untuk memperbaik bukan hanya kehidupan mereka tetapi juga kehidupan keluarga mereka, inilah yang ‘menolak’ Michelle untuk menjalani perniagaan BE.

“Semasa saya menjadi perunding SAP, saya banyak berurusan dengan seseorang pelanggan secara peribadi. Tetapi BE ialah sebuah perniagaan manusia. Setiap hari, saya harus berkomunikasi dengan ahli pasukan dan



Perkongsian Produk



Gambar bersama upline



BE Lifestyle Travel ke Melbourne

pemimpin saya. Saya seronok meluangkan masa untuk mendengar cerita dan pengalaman mereka. Kami saling memberi inspirasi.”

Michelle mempunyai matlamat yang lebih besar sekarang - untuk membantu lebih ramai orang. “Dalam perniagaan ini, niat baik anda untuk menolong orang akan memberi anda ganjaran di luar imaginasi anda. Motivasi terbesar saya dalam perniagaan ini adalah untuk membantu downline saya untuk berkembang dan berubah.”

Ini adalah masa yang mencabar, dengan pandemik yang mempengaruhi kehidupan ramai orang. Tetapi Michelle bersikap optimis untuk mengekalkan momentum perniagaan. “Sekarang, semakin banyak orang membuka minda untuk menyertai perniagaan BE, dan bukan sekadar sebagai pengguna. Kami telah merekrut banyak pemimpin dan profesional berkualiti untuk menyertai kami. Percayalah apabila saya mengatakan bahawa perniagaan BE mempunyai daya tarikan untuk menjadikan anda kekal.”



Bagi Michelle, BE bukan sebuah kilang impian. Ia sebuah platform di mana anda dapat dilahirkan semula dan menjadi lebih baik.

